

# info



BIL.1/2018 ISSN; 0127-1023

LATIHAN KREATIF, KOPERASI PROGRESIF

## BISNES PELANCONGAN: JANA PENDAPATAN KOPERASI



**04** PROGRAM LESTARI MODAL INSAN KOPERASI

**30** MKM ZON SARAWAK TERUS PERKASA  
KEMAHIRAN ANGGOTA KOPERASI  
BUMI KENYALANG

**37** KSS MKM TAWAN GUNUNG KINABALU

**40** MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG (APC) TAHUN 2017







# Tahniah

**YB MOHD REDZUAN BIN MD YUSOF**  
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

**YB DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN

**IKHLAS DARIPADA**

**SELURUH WARGA KERJA MAKTAB KOPERASI MALAYSIA**



# DARI MEJA KETUA PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera buat semua pembaca,

Syukur ke hadrat Allah SWT, dengan keizinanNya keluaran Majalah INFO berjalan lancar. Keluaran INFO kali ini memaparkan pelbagai program MKM sekitar hujung tahun 2017 dan tahun 2018.

Di bawah kepimpinan kerajaan baharu, pihak MKM, berharap agar latihan dan pendidikan koperasi mendapat perhatian kerajaan dalam menggembelng tenaga memacu sosioekonomi negara.

Majalah INFO diharapkan mampu dijadikan bahan maklumat dokumentasi program MKM secara ilmiah dengan mengenal pasti penilaian aktiviti program yang bermanfaat untuk warga MKM dan gerakan koperasi. Paparan INFO perlu iltizam menjadi 'role model' aktiviti organisasi kebitaraan koperasi untuk semua peringkat daripada pelajar, peserta kursus, warga kerja dan masyarakat.

Akhir kata, harapan saya agar majalah INFO mampu membawa perspektif baharu bahan informasi dan lipatan sejarah aktiviti MKM.

Sekian.

**“Latihan Kreatif, Koperasi Progresif”**

**YBhg. Tn. Haji Ramlan Bin Kamsin  
Pemangku Ketua Pengarah  
Maktab Koperasi Malaysia**



# Sidang Redaksi

## **PENASIHAT**

**YBhg. Tn. Haji Ramlan Bin Kamsin**  
Pemangku Ketua Pengarah

## **EDITOR**

**En. Nasharuddin bin Mohd. Ali**  
Pengarah Unit Komunikasi Korporat

**WAKIL SEKTOR/PUSAT/ZON/BAHAGIAN/UNIT**  
**Pn. Norhayati Abdul Rahman**

Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

**En. Mohd Faisal Shariff**  
Sektor Perladangan dan Asas Tani

**Pn. Ayu Diana Awang**  
Sektor Hartanah (Perumahan) dan Industri Pembinaan

**Pn. Noor Shafeeza bt. Zainuddin**  
Sektor Pemborongan dan Peruncitan

**Pn. Salwana Ali**  
Pusat Kewangan dan Akaun

**Pn. Nur Syazwani**  
Pusat Antarabangsa dan Kolaborasi

**Pn. Nazirah bt. Baharudin**  
Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

**En. Mohamad Haniff Mohamad Hashim**  
Pusat Pembangunan Komuniti

**Pn. Aslamiah Ali**  
Pusat Teknologi Maklumat

**En Muhammad Yusuf bin Ibrahim**  
Pusat Pengurusan Perniagaan

**Pn. Rohalinda Ahad**  
Zon Tengah

**Pn. Yusnita Othman**  
Zon Utara

**Cik Nur Hafieza Hashim**  
Zon Timur

**Pn. Afizah Abdul Jalal**  
Zon Selatan

**Pn. Nor Azmawati Shafii**  
Zon Sabah

**En. Mohamad Haswardi Morshidi**  
Zon Sarawak

**Cik Fatin Hazirah Ayob**  
Skim Latihan Kerjaya Koperasi (SLKK)

## **PENYELARAS**

**Pn. Afiza Abdul Karim**  
Unit Komunikasi Korporat

## **PENCETAK**

**Legasi Press Sdn. Bhd.**  
No. 17A Jalan Helang Sewah  
Taman Kepong Baru, Kepong  
52100 Kuala Lumpur




## **Fokus**

- 4** Program Lestari Modal Insan Koperasi di Arena Pekan Selasa, Batu Kurau
- 6** Bisnes Pelancongan: Jana Pendapatan Koperasi
- 9** Strategi Pemasaran Online: Bajet Ciput, Impak Maksimum
- 11** Program Khidmat Masyarakat MKM Bersama Komuniti Kg. Perak dan Kg. Sempeneh, Batu Kurau, Perak

## **Perspektif**

- 13** Kursus Penyediaan Pakej Pelancongan *Halal City Tour* Padang-Bukit Tinggi, Indonesia
- 16** Khidmat Perundingan Yang Ditawarkan MKM Membantu Koperasi Secara Holistik
- 18** MKM Beri Fokus Pendidikan Perniagaan Melalui PPP





# Kandungan

# 11



# 17

## Berita Zon

- 20** Sijil Pengurusan Koperasi : 10 Hari Menimba Ilmu
- 23** MKMZU Dekati Komuniti Melalui Program CSR & LMIK
- 25** Bicara Ilmu “Peranan Koperasi Terhadap Wang Tak Dituntut & Cukai”
- 26** Bicara Ilmu “Wang Tak Dituntut (WTD)”
- 28** MKM Zon Selatan Pindah Bangunan Baru
- 30** MKM Zon Sarawak Terus Perkasa Kemahiran Anggota Koperasi Bumi Kenyalang

## Jaringan

- 32** Program ICA-AP 2018 Di MKM

## Berita Kakitangan

- 35** Ikrar Bebas Rasuah MKM
- 37** KSS MKM Tawan Gunung Kinabalu
- 40** Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2017 Maktab Koperasi Malaysia (MKM)




# 24



# 31



# 37



## PROGRAM LESTARI MODAL INSAN KOPERASI DI ARENA PEKAN SELASA, BATU KURAU

Oleh: Sektor Pemborongan dan Peruncitan

**P**rogram Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK) yang dijalankan di Arena Pekan Selasa, Batu Kurau pada 3 Mac 2018 merupakan program yang ke-47 daripada 100 program yang disasarkan untuk dilaksanakan oleh MKM pada tahun 2018.

Penyelarasan bagi program di Parlimen Larut telah dilakukan oleh Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) MKM menerusi kerjasama strategik dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Matlamat program LMIK ini adalah untuk memberi kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat akan kepentingan

kewujudan koperasi dalam komuniti yang bertujuan memberikan faedah sosial dan ekonomi kepada anggota dan masyarakat. Di samping itu juga, program ini bertujuan menghebahkan takwim latihan MKM tahun 2018. Tema yang diangkat bagi Program LMIK pada tahun ini adalah “Kerjasama Asas Amalan Koperasi” yang mendokong nilai dan semangat kerjasama sebagai tunjang

### Para penceramah menyampaikan taklimat



Menarik... Dato' Dr. Noor Zari Hamat memberikan taklimat tentang pengawalan harga bagi barangan pengguna di pasaran negara



En Jaibit Jaudin, Pengarah Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) MKM memberikan taklimat berkaitan program latihan bidang keberhasilan MKM 2018



En Firdaus Hussin mewakili Suruhanjaya Koperasi Malaysia memberikan pengenalan dan pendedahan berkaitan Aktiviti Bisnes Pemborongan dan Peruncitan dalam sektor koperasi



paling utama penubuhan sesebuah koperasi. Secara tidak langsung, koperasi dilihat sebagai medium terbaik untuk memupuk kerjasama individu dalam masyarakat bagi tujuan pembangunan ekonomi.

Sambutan yang menggalakkan diterima daripada anggota lembaga koperasi, anggota koperasi dan juga pemimpin komuniti serta anggota komuniti setempat yang datang dari sekitar Taiping.

Jumlah penyertaan program ini adalah seramai 1,048 orang. Program LMIK ini telah berjaya menjadi platform dalam memperkasakan peranan kumpulan tertentu dalam komuniti seperti golongan wanita, belia, kariah masjid, ibu tunggal dan lain-lain yang dilihat mampu untuk berinteraksi antara satu sama lain melalui kegiatan sosial mahupun ekonomi dan aktiviti yang dilaksanakan secara bekerjasama seperti koperasi.



Sesi pendaftaran peserta LMIK dan pengedaran kit promosi MKM dan SKM



Hadirin sedang tekun mendengar taklimat yang disampaikan

## BISNES PELANCONGAN: JANA PENDAPATAN KOPERASI

Oleh: Juliana Hj Md Yusop  
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri & Kesihatan

**ndustri Pelancongan merupakan salah satu penyumbang terbesar dalam ekonomi Malaysia.**

Pada tahun 2016, pendapatan yang disumbangkan oleh sektor pelancongan adalah sebanyak RM92 bilion berbanding RM72 bilion pada tahun sebelumnya. Salah satu faktor peningkatan ketara sumbangan sektor ini terhadap ekonomi negara kerana Malaysia merupakan destinasi tarikan pelancongan

yang berpotensi di peringkat Asia, antarabangsa dan tempatan. Pada suku tahun pertama 2016, Malaysia menerima kedatangan pelancong sebanyak 6.48 juta dan 3.24 juta pelancong adalah dari Singapura, diikuti negara Indonesia 0.67 juta pelancong dan China 0.38 juta pelancong, selebihnya adalah dari negara-negara lain (Berita Malaysiakini, 2015). Industri pelancongan Malaysia juga merekodkan purata kemasukan pelancong asing adalah seramai 2 juta setahun.

Malaysia telah meletakkan sasaran akan menerima 36 juta pelancong dengan anggaran pendapatan sebanyak RM168 bilion pada tahun 2020. Industri ini diyakini akan terus berkembang sebanyak tiga kali ganda dan turut menyumbang kepada pendapatan negara berjumlah RM3 bilion setiap minggu pada tahun 2020. Hasrat yang strategik ini bakal dicapai menerusi 12 inisiatif yang dicadangkan di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Pelancongan.

Bagi menggalakkan gerakan koperasi turut menyumbang serta menikmati pendapatan melalui industri ini; Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK), Maktab Koperasi



Prof. Madya Dr. Hj. Mohamed Saat Bin Hj. Ismail selaku pembentang sesi kedua



Pn. Salbiah Yahya selaku pembentang sesi ketiga



Malaysia (MKM) telah mengambil inisiatif mengadakan Seminar bertemakan “Bisnes Pelancongan: Jana Pendapatan Koperasi” pada 4 dan 5 Disember 2017 bertempat di Hotel Langkawi Seaview, Pulau Langkawi, Kedah. Seramai 184 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi, pihak pengurusan koperasi, anggota koperasi serta para pegawai daripada agensi yang menyelia koperasi seperti KPDNKK, SKM dan ANGKASA.

Program yang berlangsung selama dua hari ini telah menampilkan seramai empat orang pembentang kertas kerja yang mempunyai pelbagai pengalaman, kepakaran serta terlibat secara langsung dalam industri pelancongan. Pembentang kertas kerja pertama ialah En. Mohd Alfey Bin Abdul Rahim daripada Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Kedah.

Beliau telah mengupas secara terperinci NKEA Pelancongan yang akan dicapai melalui Projek 12 yang disasarkan memberi impak sebanyak RM8.56 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (GNI) dalam kerta kerja bertajuk *Senario Dan Peluang Ekonomi Dalam Industri Pelancongan*.

Seterusnya, kertas kerja kedua dan ketiga pula dibentangkan oleh dua orang koperator yang terlibat secara langsung menguruskan bisnes pelancongan melalui koperasi masing-masing. Pembentang kedua ialah Prof. Madya Dr. Hj. Mohamed Saat Bin Hj. Ismail, Pengerusi Koperasi Warga USM Kubang Kerian Bhd. Beliau mengupas mengenai pelancongan kesihatan melalui kertas kerja bertajuk *Pelancongan Kesihatan: Potensi Kepada Koperasi*. Menurut beliau, kepakaran perubatan di Malaysia adalah antara yang terbaik di dunia



Antara peserta program seminar Bisnes Pelancongan



Sesi soal jawab antara peserta dan pembentang

dan kebanyakan hospital persendirian di negara ini mempunyai kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa termasuk standard MS ISO9002 dan pengiktirafan kualiti kesihatan daripada Persatuan Perubatan Malaysia (MSQH). Beliau juga telah mengupas mengenai faktor yang menyebabkan Malaysia dipilih sebagai destinasi pelancongan kesihatan iaitu kos perubatan yang kompetitif dan rendah, kemudahan infrastruktur yang canggih dan moden, doktor dan jururawat yang diakreditasi, kemudahan mengakses ke hospital dan kemudahan penginapan. Seterusnya, Pn. Salbiah Yahya selaku pembentang kertas kerja ketiga berkongsi pengalaman Koperasi Kg. Sungai Latoh Kong Kong Masai Berhad menjalankan pelbagai jenis perniagaan berkaitan pelancongan

antaranya menyediakan Pusat Informasi, Taxi Air, Desastay, Medan Selera dan *House Boat*. Pembentang kertas kerja terakhir iaitu Dato' Haji Sahariman Hamdan, Presiden Persatuan Pengusaha Homestay Malaysia telah berkongsi tips kepada para peserta mengenai kaedah melaksanakan aktiviti *homestay* yang berjaya.

Kesimpulannya, penganjuran program seumpama ini oleh SPPDK, MKM menjadi platform kepada para peserta mendapatkan maklumat serta input berkaitan perniagaan pelancongan serta memberi motivasi kepada gerakan koperasi untuk mengusahakan perniagaan berkaitan pelancongan dalam melonjakkan perolehan koperasi untuk mencapai sasaran RM50 bilion pada tahun 2020.



## STRATEGI PEMASARAN ONLINE: BAJET CIPUT, IMPAK MAKSIMUM

Oleh: Rosidah Rashid, Pusat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (ICT)



Urus setia bersama penceramah, En. Azharee Wahid (empat dari kiri) daripada Akademi Usahawan Mikro Sdn. Bhd

**P**erkembangan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) memberi impak yang besar kepada kalangan peniaga. Kebanyakan peniaga atau usahawan telah mula mengubah modus operandi perniagaan produk mereka dari kedai fizikal kepada kedai maya. Sehubungan itu, kaedah pemasaran juga turut berubah dari pemasaran cara lama kepada pemasaran secara *online* melalui pelbagai aplikasi yang disediakan oleh para pembangun aplikasi seluruh dunia.



Ucapan perasmian oleh Puan Najmah Nawawi Pengarah Kanan Pusat ICT

Namun, promosi produk memerlukan kos yang tinggi sama ada secara *offline* atau *online*. Pemasaran secara *online* ini memerlukan strategi dan teknik yang berkesan supaya perniagaan mereka dapat dipertingkatkan di samping dapat mengurangkan kos promosi. Kebanyakan usahawan masih lemah dalam mengguna dan mempraktikkan strategi pemasaran *online* yang ada di media sosial disebabkan kekurangan pendedahan dan tiada program latihan yang komprehensif. Teknik pemasaran secara *online* ini memerlukan pengetahuan dan kemahiran kerana sasaran pelanggan bukan lagi bertumpu kepada sesuatu kawasan malah berkembang ke seluruh dunia. Justeru itu, Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) MKM mengambil inisiatif untuk menganjurkan program ini bagi membantu anggota

koperasi meningkatkan jualan dengan mempraktikkan strategi pemasaran dan menggunakan medium yang betul.

Pada 30 November 2017, Pusat ICT telah menganjurkan Bicara Profesional bertajuk “Strategi Pemasaran Online: Bajet Ciput, Impak Maksimum”. Program yang diadakan di Auditorium Dato’ Abdul Majid Maktab Koperasi Malaysia, Petaling Jaya ini telah dihadiri oleh seramai 153 orang peserta yang terdiri daripada koperator di sekitar Lembah Klang. Ceramah mengenai strategi pemasaran menggunakan bajet yang rendah tetapi mendapat impak yang maksimum ini telah disampaikan oleh En. Azharee Wahid atau lebih dikenali sebagai Sifu Bajet Ciput #1 Malaysia daripada Akademi Usahawan Mikro Sdn. Bhd. (AUM).


Program yang bermula dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang ni telah



Peserta Bicara Profesional sedang mempraktikkan kaedah mengambil gambar

mendapat pujian daripada para peserta kerana ia merupakan satu pendedahan kepada mereka berkenaan dengan strategi pemasaran yang murah. Program bermula dengan ucapan perasmian oleh Pengarah Kanan Pusat ICT, Pn. Najmah Nawawi dan kemudian diteruskan dengan sesi ceramah. Di samping diberikan pendedahan sebanyak 77 strategi pemasaran bajet ciput, peserta juga diberi peluang mempraktikkan kaedah pemasaran menggunakan beberapa aplikasi melalui telefon pintar secara praktikal.

Program Bicara Profesional ini diakhiri dengan pelawaan daripada Syarikat Akademi Usahawan Mikro untuk mengikuti program *personal coaching* yang disediakan oleh syarikat dengan bayaran yang sangat minimum kepada para peserta.



Penceramah, En. Azharee Wahid



## PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT MKM BERSAMA KOMUNITI KG. PERAK DAN KG. SEMPENEH, BATU KURAU, PERAK

Oleh: Nasharuddin Bin Mohd Ali  
Unit Komunikasi Korporat



Gotong-royong membersihkan kawasan sekolah di Kg. Perak



Penduduk kampung dan warga MKM bergotong-royong untuk rakyat

**P**rogram khidmat masyarakat adalah aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan secara berkumpulan dengan matlamat dan tujuan tertentu.

Program khidmat masyarakat sekiranya dilaksanakan dengan sempurna, sudah pasti akan memberi hasil dan impak yang besar kepada komuniti yang menerimanya. Selain itu, ia juga menjadi medium promosi berkesan kepada penyampaian maklumat serta mampu

membentuk persepsi positif kumpulan sasar. Setiap tahun, aktiviti khidmat masyarakat menjadi agenda utama warga MKM dalam mendekati masyarakat umum.

Bagi warga MKM, program khidmat masyarakat merupakan antara aktiviti yang amat penting untuk memupuk perasaan muhibah antara komuniti dan kakitangan MKM, malahan dengan perancangan program yang sempurna



Pelajar Kolej iCOOP dan keluarga angkat bergambar kenangan bersama penduduk tempatan dan pengurusan MKM

akan memberi impak kepada warga MKM yang terlibat khususnya dalam memberi khidmat serta komitmen kepada masyarakat terutamanya masyarakat di luar bandar.

Aktiviti khidmat masyarakat akan dapat memberi input positif kepada perkembangan diri individu. Banyak kebaikan yang diperolehi daripada pelaksanaan aktiviti khidmat masyarakat dan antaranya; mewujudkan rasa kesefahaman dan pengukuhan diri di dalam kumpulan, memberi impak kesihatan diri dari segi fizikal serta rohani dan mewujudkan perasaan bertimbang rasa dan menyayangi orang lain khususnya yang kurang upaya serta warga tua.

Rentetan dari kejayaan program khidmat masyarakat anjuran Unit Komunikasi Korporat MKM di Sg. Bayor, Selama, Perak tahun 2016, MKM sekali lagi pada 30 Mac hingga 1 April 2018 telah melaksanakan program khidmat

masyarakat di Parlimen Larut bertempat di Kg. Perak dan Kg. Sempeneh, Batu Kurau, Perak. Kali ini, MKM turut melibatkan pelajar Kolej iCOOP dalam program 'anak angkat' bersama 20 keluarga angkat dari kampung-kampung tersebut. Program khidmat masyarakat ini mendapat penyertaan yang amat mengalakkan, apabila seramai 22 orang warga MKM dan 48 orang kakitangan serta pelajar Kolej iCOOP terlibat bersama-sama dengan 300 orang penduduk kampung sekitar.

Pelbagai aktiviti kemasyarakatan telah dijalankan selain program anak angkat seperti ceramah agama, sukan rakyat, jelajah kampung, taklimat Kolej iCOOP, gotong-royong, santai durian, malam kebudayaan dan kenduri rakyat. Aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program tersebut telah memberi impak toleransi ikatan perpaduan yang utuh dalam kalangan peserta program khususnya generasi muda dan para pelajar.



Program ziarah kasih, Timbalan Ketua Pengarah (Akademik) MKM dan beberapa pegawai kanan MKM menyampaikan sumbangan



Sumbangan daripada MKM untuk surau Kg. Perak oleh Ketua Pengarah MKM



# KURSUS PENYEDIAAN PAKEJ PELANCONGAN HALAL CITY TOUR PADANG-BUKIT TINGGI, INDONESIA

Oleh: Noranita Mohd Nor, Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan



Peserta Kursus Penyediaan Pakej Pelancongan *Halal City Tour* bergambar kenangan di Istana Pagar Ruyung

**P**ada 17 hingga 22 Nov 2017, telah berlangsung kursus “Penyediaan Pakej Pelancongan *Halal City Tour*” anjuran Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) di Padang-Bukit Tinggi, Indonesia.

Program ini telah dihadiri oleh 58 orang peserta dari seluruh Malaysia. Program ini dikendalikan oleh Pn. Noranita Mohd Nor selaku Pengarah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan (SPPDK), MKM serta Pn. Juliana Md Yusop, Pensyarah SPPDK.

Objektif utama kursus ini adalah untuk

memberi pengetahuan dan pendedahan kepada koperasi mengenai konsep dan jenis pakej pelancongan *Halal City Tour* di luar negara serta menerangkan kaedah penyediaan pakej pelancongan *halal city tour*. Pada hari pertama kursus, peserta telah didedahkan dengan teori dan konsep berkaitan industri pelancongan di Malaysia serta jenis-jenis pakej pelancongan *halal city tour*. Kaedah penyediaan pakej pelancongan turut diajar kepada para peserta seperti perincian pakej pelancongan, penetapan harga pakej, deposit pakej pelancongan, polisi pembatalan pakej serta pemulangan wang.

Pada hari kedua kursus, semua peserta telah berlepas ke Padang, Indonesia menaiki kapal terbang Air Asia. Sebelum berlepas ke Indonesia peserta diajar menjadi *tour leader* dengan dibahagikan kepada kumpulan untuk mengurus pelancong. Setelah sampai, peserta terus dibawa ke Bukit Tinggi, Indonesia. Sepanjang perjalanan, peserta didedahkan dengan *nature tourism* iaitu melawat ke kawasan air terjun Lembah Anai. Seterusnya dibawa ke Pusat Informasi Minangkabau, Pusat Sulaman Berkualiti dan Pembuatan Songket.

Manakala pada hari ketiga, peserta didedahkan pula dengan *historical tourism* iaitu melawat ke Panorama dan Lobang Jepang, Tasik Maninjau serta ke Jam Gadang dan Pasar Atas. Pada hari keempat kursus, peserta dibawa melawat ke Koperasi Karyawan Kiniko yang menghasilkan produk kopi kampung, herba dan pisang salai.



Kelas teori berlangsung di MKM

Peserta juga dibawa melawat Istana Pagaruyung, Kampung Cina dan Jambatan Siti Nurbaya. Pada hari terakhir kursus, peserta dikehendaki membentangkan hasil kerja kumpulan iaitu pelan tindakan penyediaan pakej pelancongan *Halal City Tour*.

Sepanjang kursus ini berlangsung, koperasi telah merasai pengalaman mengurus pelancong iaitu bermula dengan menyediakan pengangkutan, penginapan, pemandu pelancong, tiket masuk ke tempat lawatan, makan minum serta cerita sejarah di setiap tempat lawatan yang dibawa. Ini memudahkan koperasi untuk menjual pakej pelancongan kepada pelanggan berdasarkan pengalaman yang dirasa sendiri oleh koperasi. Koperasi yang telah mengikuti kursus ini juga dapat menjadi ejen jualan kepada *Saffira Tour & Travel* Indonesia bagi mempromosikan pakej pelancongan di Indonesia. Ini merupakan



Serahan cenderamata kepada Koperasi Karyawan Kimiko



Pemandangan di Tasik Maninjau



peluang yang amat baik kepada koperasi kerana dengan membawa anggota koperasi ke sana secara tidak langsung koperasi boleh menjana pendapatan.

Secara keseluruhannya, kursus ini telah membuka minda para koperator bahawa bisnes pelancongan mampu menjana pendapatan koperasi termasuk anggota-

anggota koperasi. Oleh yang demikian, MKM sebagai institusi latihan dan pendidikan koperasi, akan terus peka kepada program-program yang sesuai dengan persekitaran bagi membantu gerakan koperasi dengan ilmu-ilmu yang berguna untuk lebih berdaya maju, berdaya saing, kreatif dan inovatif.



Perbincangan bersama Saffira Tour & Travel Indonesia

## KHIDMAT PERUNDINGAN YANG DITAWARKAN MKM MEMBANTU KOPERASI SECARA HOLISTIK

Oleh: Nazirah Baharudin, Pusat Penyelidikan dan Konsultasi

**P**usat Penyelidikan dan Konsultasi (CRC) merupakan pusat yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan aktiviti berkaitan perkhidmatan perundingan di MKM.

Bagi bertindak balas dengan keperluan gerakan koperasi di Malaysia, terdapat lima bidang yang ditawarkan yang meliputi bidang pentadbiran, pengurusan kewangan, perancangan strategik, perniagaan koperasi dan teknologi maklumat & komunikasi (ICT). Sepanjang bulan Januari hingga Mac 2018, terdapat 29 permohonan perkhidmatan perundingan telah diterima antaranya daripada Koperasi Serbaguna Kakitangan MAS Malaysia Berhad, Koperasi Pengangkutan Putrajaya & Cyberjaya Berhad, Koperasi Pertubuhan Kebajikan

Anak Yatim Islam Al-Ihsan Lipis Berhad, Koperasi Kakitangan Kerajaan Daerah Kluang dan Koperasi Pegawai-Pegawai Kesedar Berhad. Sementara itu sebanyak lima bengkel telah dilaksanakan iaitu Bengkel Penyediaan Bajet Koperasi, Memahami Undang-Undang Kecil Koperasi, Pengenalan Koperasi, Retreat Perancangan Strategik Menangani Kos Sara Hidup (KPDNKK) dan Bengkel Penambahbaikan Program MBA AAGBS (UiTM) yang memberi fokus kepada perancangan strategik.

Perkhidmatan perundingan yang telah dilaksanakan ini adalah berasaskan kepada pengetahuan dan kepakaran yang dimiliki oleh modal insan di MKM. Pendekatan secara sistematik, holistik



Bengkel memahami undang-undang kecil Koperasi Serbaguna Kakitangan Mas Bhd



dan strategik turut digunakan bagi menganalisis jurang/isu permasalahan serta mengenal pasti penyelesaian atau strategi yang relevan dengan keperluan dan permasalahan sebenar gerakan koperasi. Pada setiap sesi perjumpaan bersama pihak koperasi, pelbagai kaedah diguna pakai untuk mengenal pasti punca utama masalah yang dihadapi oleh koperasi. Ia meliputi analisis persekitaran dalaman dan luaran koperasi seperti analisis penyata

keuangan koperasi bagi mengetahui kedudukan sebenar kewangan koperasi, di samping perbincangan bersama barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) mengenai pengurusan dan pentadbiran koperasi. Seterusnya, kaedah *TOWS* dan *ERRC* pula digunakan untuk menentukan strategi perniagaan yang bersesuaian dengan koperasi agar pengurusan dan pentadbiran koperasi dapat dilaksanakan dengan baik.



Bengkel Penyediaan Bajet Tahun 2018 Koperasi Pengangkutan Putrajaya dan Cyberjaya Bhd (KPPCB)



Konsultasi bersama Koperasi Mas Bhd



Konsultasi bersama Koperasi Pengangkutan Putrajaya dan Cyberjaya Bhd (KPPCB)

## MKM BERI FOKUS PENDIDIKAN PERNIAGAAN MELALUI PPP

Oleh: Muhammad Afnan Hasim, Pusat Pengurusan Perniagaan



Kursus Teknik Pengurusan Rekod dan Fail Yang Efektif

**P**usat Pengurusan Perniagaan atau PPP Maktab Koperasi Malaysia (MKM) diwujudkan pada tahun 2018.

Ia bertujuan bagi menjalan dan melaksanakan program serta latihan dalam aspek perniagaan terutamanya kepada sektor koperasi di negara ini. PPP mempunyai kakitangan seramai enam (6) orang di mana daripada jumlah tersebut empat (4) orang terdiri daripada Pegawai Latihan, seorang Pengarah dan turut dibantu dengan seorang Setiausaha Kursus.

Berdasarkan statistik (Suruhanjaya Koperasi Malaysia) pertambahan bilangan koperasi di negara ini dari setahun ke setahun, membuktikan masyarakat yakin bahawa sektor koperasi juga merupakan salah satu sektor penting di negara ini yang mampu menyumbang kepada ekonomi negara dan kemakmuran serta kesejahteraan rakyat.

Bagi membekalkan ilmu pengetahuan yang secukupnya kepada warga koperator dan seiring dengan perkembangan teknologi semasa, pelbagai program serta latihan telah dirangka bagi memantapkan lagi modal insan koperasi di negara ini. Berikut adalah senarai program serta latihan bagi tahun 2018 yang dikendalikan oleh Pusat Pengurusan Perniagaan MKM :

BIL.	PROGRAM / LATIHAN
1.	Wajib 3 Pengurusan Strategik
2.	Asas Memulakan Perniagaan
3.	Pengurusan Sumber Manusia
4.	Basic English Communication At Workplace
5.	Kreativiti dan Inovasi Dalam Perniagaan
6.	Asas Perancangan Modal dan Pembiayaan Dalam Perniagaan
7.	Asas Pemasaran
8.	Teknik Pengurusan Rekod dan Fail Yang Efektif
9.	English For Business Communication
10.	Bicara Ilmu
11.	Bengkel Pelan Strategik Perniagaan Koperasi
12.	Penilaian Risiko Perniagaan Koperasi



Penyertaan peserta bagi mengikuti sebarang program atau latihan di bawah Pusat Pengurusan Perniagaan MKM adalah terbuka kepada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam (JAD), Jawatankuasa Kecil Koperasi, pengurusan koperasi, pegawai /agensi yang menyelia koperasi, anggota koperasi serta individu yang berminat

berdasarkan kepada syarat-syarat dan terma - terma tertentu.

Bagi koperasi yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program atau latihan di bawah Pusat Pengurusan Perniagaan MKM, bolehlah menghubungi talian 03-7964 9000 / 9043 atau di alamat email [perniagaan@mkm.edu.my](mailto:perniagaan@mkm.edu.my).



Kursus Asas Memulakan Perniagaan



Kursus Kreativiti Dan Inovasi Dalam Perniagaan



Kursus Asas Pemasaran

## SIJIL PENGURUSAN KOPERASI : 10 HARI MENIMBA ILMU

Oleh: MKM Zon Tengah



Peserta Sijil Pengurusan Koperasi bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah MKM, Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman Shaik (tiga dari kanan)

**S**ijil Pengurusan Koperasi MKM telah mula diperkenalkan pada tahun 2016. Objektif program Sijil ini adalah untuk memberi kefahaman dan pendedahan berkaitan aspek pengurusan dalam koperasi agar para peserta dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran tersebut dalam mengurus koperasi dengan lebih berkesan.

Justeru itu, bagi tahun 2018, MKM melalui Zon Tengah telah menyediakan kursus intensif selama 10 hari bermula dari 5 Mac 2018 sehingga 16 Mac 2018. Program ini berlangsung di kampus utama MKM, Petaling Jaya.

Seramai 20 orang peserta daripada

17 koperasi telah menyertai kursus ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), tenaga kerja dan anggota koperasi dari kawasan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Langkawi dan Perak Selatan.

Para peserta perlu mengikuti kesemua modul yang telah disediakan sepanjang berada di MKM dan ini melibatkan 13 sesi kesemuanya. Sesi ceramah dan taklimat telah disampaikan oleh Pegawai Latihan MKM sendiri serta penceramah jemputan luar seperti dari Koperasi Permodalan Felda Bhd. Kesemua sesi ceramah melibatkan topik pengurusan koperasi, pengurusan kewangan dan akaun,



pengurusan perniagaan, pengurusan strategik, penilaian projek dan juga pengurusan sistem maklumat koperasi.

Pada hari kesembilan, program lawatan ke koperasi terpilih telah diadakan bagi memberikan pendedahan tentang kejayaan koperasi dalam menjalankan perniagaan dan tadbir urus koperasi yang baik. Koperasi yang terlibat ialah Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) Bhd., Koperasi Kakitangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Bhd. dan Koperasi Kakitangan Nippon Electronic Glass Malaysia (NEGM) Bhd. Pada keesokannya, para peserta menduduki ujian untuk menilai tahap pengetahuan dan kefahaman berkaitan pengurusan koperasi. Secara keseluruhannya,

para peserta dapat menjawab ujian tersebut dan mendapat keputusan yang cemerlang.

Acara kemuncak program ini diserikan dengan majlis perasmian penutupan dan penyampaian sijil kepada para peserta oleh Ketua Pengarah MKM iaitu YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik.

Secara keseluruhannya, program ini dapat mencapai matlamat penganjurannya dan bukan sekadar memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan para peserta mengenai pentingnya mengetahui tanggungjawab dan peranan mereka terhadap pengurusan koperasi yang lebih baik.



Para peserta sedang mengikuti sesi pembelajaran di dalam kelas





Lawatan Ke Pasar Mini Koperasi MKM Bhd



Sesi lawatan ke Koperasi AIM Bhd



Sesi lawatan ke Koperasi Kakitangan NEGM Bhd



Para peserta bergambar kenangan bersama tenaga pengajar MKM di hadapan Pasar Mini Koperasi MKM Bhd



## MKMZU DEKATI KOMUNITI MELALUI PROGRAM CSR & LMIK

Oleh: Yusnita binti Othman  
MKM Zon Utara



Sebahagian penduduk dan kakitangan MKM Zon Utara bergotong-royong di Surau As Saadah, Mergong, Alor Setar, Kedah

**M**aktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Utara telah mengadakan program khidmat masyarakat (CSR) dan Lestari Modal Insan Koperasi (LMIK) di Mergong, Alor Setar, Kedah. Program yang diadakan pada 22 dan 23 Mac 2018 itu telah berjaya menghimpunkan pemimpin masyarakat, ketua-ketua agensi di bawah KPDNKK bersama komuniti setempat.

Sejajar dengan aspirasi tanggungjawab korporat yang didukung oleh MKM,

program CSR yang melibatkan kerja-kerja pembersihan dan mengecat Surau As Saadah, Blok E, Perumahan Taman Wira, Mergong telah dijalankan pada 22 Mac 2018. Dengan semangat kerjasama dan gotong-royong selain menjalin silaturahim antara kakitangan MKM Zon Utara dengan penduduk, program CSR yang bermula jam 7.30 pagi dan berakhir pada tengah harinya, berjaya menghasilkan impak keseluruhan yang positif terhadap kesejahteraan komuniti setempat.

Pada hari seterusnya, bertempat di RC Hall, Mergong telah berlangsung pula program LMIK bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Perbadanan Nasional Berhad (PNS) serta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA). Kehadiran seramai 661 orang peserta yang terdiri daripada anggota koperasi dan komuniti setempat menunjukkan kejayaan MKM merakyatkan program latihan koperasi hingga ke lapisan akar umbi. Pada majlis itu, para hadirin telah diberi

taklimat mengenai faedah berkoperasi serta peranan MKM sebagai peneraju pembangunan modal insan koperasi. Terdahulu pada majlis itu seramai 550 orang penerima bantuan telah menerima sumbangan dari MKM.

Ternyata usaha MKM khususnya MKM Zon Utara mendekati diri dengan komuniti dan merakyatkan program latihan menampakkan permulaan yang baik dan memberi cetus semangat kepada MKM Zon Utara untuk terus memberi khidmat bakti cemerlang.



Antara penduduk kampung yang menerima sumbangan daripada MKM



## BICARA ILMU “PERANAN KOPERASI TERHADAP WANG TAK DITUNTUT & CUKAI”

SEMPENA HARI KOPERASI NEGARA 2018  
PERINGKAT NEGERI TERENGGANU

Oleh: Nur Hafieza Hashim, Zon Timur

**P**ada 22 Mac 2018, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Timur telah mengambil peluang mengadakan program bicara ilmu bertajuk “Peranan Koperasi Terhadap Wang Tak Dituntut Dan Cukai” bertempat di Dewan Merdeka, Kota Putera Square, Besut, Terengganu bersempena dengan Hari Koperasi Negara (HKN) 2018 peringkat Negeri Terengganu. Program ini telah berjaya menarik minat lebih 200 orang peserta yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), anggota koperasi dan kakitangan kerajaan negeri Terengganu.

Objektif program Bicara Ilmu ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta mengenai tanggungjawab dan kewajipan koperasi dalam mengurus wang tak dituntut dan cukai dengan berkesan. Selain itu, program ini juga memberi pendedahan mengenal pasti

kategori wang tak dituntut, mengetahui jenis pengecualian cukai, potongan khusus dan lain-lain keistimewaan dalam layanan cukai koperasi.

Selari dengan Akta Wang Tak Dituntut (WTD) 1965 dan Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967, menekankan agar koperasi lebih peka terhadap peranan dan tanggungjawab koperasi terhadap wang tak dituntut dan cukai koperasi supaya koperasi boleh meningkatkan lagi kecekapan dalam mengurus dan mentadbir koperasi.

Secara keseluruhannya, program ini dapat memberi pendedahan dan kesedaran kepada koperasi bahawa mengurus wang tak dituntut dan cukai koperasi merupakan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.



Antara peserta yang hadir dalam Bicara Ilmu ini



Sesi soal jawab bersama peserta

## BICARA ILMU “WANG TAK DITUNTUT (WTD)”

Oleh: Adila Hashim, Zon Selatan



Antara tetamu jemputan yang hadir dalam Bicara Ilmu WTD di Rembau

**S**ebelum ini pernah tular di media sosial maklumat mengenai ‘wang tak dituntut’ (WTD).

Menerusi perkongsian seorang pengguna laman *Facebook* yang bernama Idah Binti Basri, telah menuntut wang di beberapa akaun bank yang sudah lama tidak digunakan dan sebilangan wang diperoleh daripada beberapa syarikat insurans. Tanpa sedar, rupa-rupanya beliau mempunyai WTD keseluruhannya berjumlah hampir RM14,000.

WTD ini membabitkan lebih 55 juta akaun bank seperti akaun simpanan, akaun semasa atau akaun perniagaan. Sekiranya sesuatu akaun di bank-bank perdagangan tidak aktif melebihi tujuh tahun, baki akaun terbabit menjadi WTD seperti yang ditakrif di bawah Seksyen 8 Akta WTD 1965 dan hendaklah diserahkan kepada Pendaftar WTD. Pendaftar

WTD sebagai pemegang amanah akan menyimpan dengan selamat wang terbabit mengikut peraturan kewangan berkuat kuasa sehingga ia dituntut oleh empunya yang berhak.

Sehubungan itu, MKM Zon Selatan telah menganjurkan Bicara Ilmu “Wang Tak Dituntut” di beberapa lokasi seperti di Johor Bahru, Kota Tinggi dan Rembau (Rujuk Jadual 1). Seramai 434 orang peserta yang terdiri daripada kalangan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) koperasi, anggota dan warga kerja koperasi dari sekitar kawasan Johor dan Negeri Sembilan telah menghadiri program ini. Turut serta dalam program ini adalah pegawai-pegawai dari Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Angkasa dan wakil-wakil agensi KPDNKK yang lain.





En. Amirul Anwar Jamaludin, penceramah dari Jabatan Akauntan Negara



Sesi soal jawab daripada peserta

Objektif program WTD ini adalah untuk memberi pendedahan kepada para peserta berkenaan tafsiran WTD menurut Akta Wang Tak Dituntut 1965 (Seksyen 8), memberi pemahaman berkaitan proses serahan dan tanggungjawab koperasi dalam WTD dan memberi kesedaran berkenaan isu-isu dalam pengurusan WTD.

Bicara Ilmu ini telah menjemput ahli panel dari Jabatan Akauntan Negara, En. Amirul Anwar Jamaludin untuk mengendalikan sesi taklimat WTD dan program diakhiri dengan sesi soal jawab antara peserta

dengan penceramah. Di sepanjang sesi WTD, penceramah banyak menyalurkan maklumat mengenai isu-isu yang pernah berlaku pada gerakan koperasi berkaitan WTD dan memberi penjelasan tentang proses semakan dan serahan dengan jelas kepada semua peserta. Beliau juga ada berkongsi pengalaman berkaitan isu dividen dan modal syer atau yuran yang tidak dituntut oleh anggota.

Secara keseluruhannya, Bicara Ilmu ini mencapai objektifnya untuk memberi penerangan berkaitan WTD.

## MKM ZON SELATAN PINDAH BANGUNAN BARU

Oleh: Afizah Abdul Jalal, Zon Selatan

**P**ada tanggal 13 April 2018, Maktab Koperasi Malaysia Zon Selatan (MKMZS) secara

rasminya telah berpindah ke bangunan baru yang terletak di Trigon, UDA Business Centre, Bandar Baru Uda.



Pandangan depan bangunan baru MKMZS





Bilik mesyuarat MKMZS

Bangunan MKMZS yang baharu ini mempunyai 4 tingkat yang merangkumi dewan makan, kemudahan kelas, makmal komputer, surau, bilik mesyuarat, lif dan bilik kakitangan. Lokasi yang strategik ini diharap dapat memberi keselesaan kepada para peserta untuk berkursus di MKMZS. “Kami berharap bangunan MKMZS yang baharu ini dapat memberikan kesenangan kepada koperator untuk berurusan dengan MKMZS kerana kemudahan seperti tempat letak kenderaan yang luas, bilik-bilik khas untuk perbincangan

dan kawasan yang tidak sibuk akan menjadikan para peserta mudah berurusan dan menghadiri kursus di bangunan baru ini nanti” kata Pn. Roziah Mohamed, Pengarah MKMZS. Bermula bulan Julai 2018, kursus akan dijalankan sepenuhnya di bangunan ini.

Alamat MKMZS di bangunan baharu adalah seperti berikut:

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8

Bandar Baru UDA

81200 Johor Bahru Johor.

Tel: 07-2075559 Faks: 07-2342021

E-mel: [mkmcelatan@mkm.edu.my](mailto:mkmcelatan@mkm.edu.my)



Perpustakaan mini yang lebih luas dan lebih selesa

## MKM ZON SARAWAK TERUS PERKASA KEMAHIRAN ANGGOTA KOPERASI BUMI KENYALANG

Oleh : Frank Me-Oi, MKM Sarawak



**S**ejajar penekanan kerajaan agar koperasi terus menyumbang secara signifikan kepada KDNK negara dan dalam masa yang sama meningkatkan sosioekonomi anggotanya, MKM Zon Sarawak pada 2 hingga 4 Mei 2018, telah menganjurkan kursus *Business Plan: Kek dan Bakeri*. Kursus yang dihadiri oleh 29 orang peserta mewakili 13 buah koperasi dari seluruh Negeri Sarawak tersebut dikendalikan dengan kerjasama *Butter & Olive (Sarawak) Sdn. Bhd.* yang dibimbing oleh dua orang chef di dalam bidang pastri dan kulinari.

Antara lain kursus tersebut mendedahkan para peserta mengenai potensi perniagaan kek dan bakeri serta cabaran dalam bidang perniagaan tersebut. Peserta turut didedahkan dengan

bahan mentah asas dan fungsinya bagi tujuan pembuatan kek dan bakeri dan juga peralatan yang digunakan secara komersial bagi tujuan tersebut. Kemuncak kepada kursus adalah apabila peserta didedahkan kepada kaedah pembuatan lima jenis kek dan bakeri iaitu *mango custard cake*, *croissant*, *brownies*, *focaccia* dan *bun sosej*. Selain pendedahan kepada kaedah dan resipi, setiap peserta juga berpeluang untuk sama-sama terlibat di dalam proses penyediaan doh, pembakaran, proses rehat doh dan kaedah sajian dan peragaan produk kek dan bakeri. Di penghujung kursus, peserta turut didedahkan dengan kaedah pembuatan kertas kerja dan kaedah pemasaran secara *online* menggunakan media sosial.





Menarik... para peserta ditunjukkan kaedah pembuatan bakeri

MKM Zon Sarawak berharap kursus tersebut mampu membuka satu lagi peluang perniagaan untuk anggota koperasi. Turut hadir sama dalam kursus

ini ialah Penyelaras Program iaitu En. Frank Me-ol dan En. Mohd. Suandi Mortadza.



Berhasil...peserta bergambar kenangan bersama chef dan hasil bakeri mereka

## PROGRAM ICA-AP 2018 DI MKM

Oleh: R.Zarinatun Mohd Abdul Kader



Y.Bhg Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (tengah, barisan hadapan) Pengerusi Lembaga Pengarah MKM bergambar bersama peserta Program ICA-AP 2018

**P**rogram latihan ICA Asia Pacific (ICA-AP) “Fostering And Improving Management of Agricultural Co-operatives In Africa” FY 2018 telah berlangsung pada 12 Februari hingga 6 Mac 2018 bertempat di Maktab Koperasi Malaysia.

Sebelum itu, pada 23 - 27 Oktober 2017, satu pra-mesyuarat dan lawatan ke koperasi berkaitan oleh pihak ICA-AP yang diwakili En. Ashok Kumar Taneja, selaku Penyelaras Projek bersama En. Hiroshi Terunama dan En. Nakashima Toru, daripada *Institute for the Development of Agricultural Co-operation in Asia (IDACA)*, Jepun telah diadakan bagi merancang perjalanan program ini. Program ini dibiayai oleh *Ministry of Agriculture, Fisheries and Forestry (MAFF)*, Jepun.

Seramai 10 orang peserta telah mengikuti program ini yang mewakili beberapa negara Afrika iaitu Morocco, Ghana, Mozambique, Republique De Cote D’ivoire (Ivory Coast), Rwanda, Bostwana, Kenya, Nigeria dan Ethiopia. Sepanjang program berlangsung, peserta turut diiringi oleh En. Ashok Kumar Taneja dan Cik Wanjala Jacqueline Salima selaku Penyelaras Projek mewakili ICA Afrika dan En. Yukio Abe, Penyelaras Program IDACA Jepun. YBhg. Prof. Datuk Mohd. Yusof Bin Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM telah menyempurnakan majlis perasmian program tersebut. Keunikan program ini ialah ia akan berlangsung selama 23 hari di Malaysia dan kemudiannya peserta menyambung fasa kedua program di IDACA juga selama 23 hari.



Objektif program ini adalah untuk mendedahkan peserta kepada model dan strategi terbaik koperasi pertanian di Malaysia. Ia juga bertujuan menjadikan koperasi di Malaysia sebagai penanda aras penubuhan dan pembudayaan koperasi di Afrika. Penyusunan program terbahagi kepada dua iaitu pembelajaran di dalam kelas selama sembilan hari dan pembelajaran di luar kelas yang melibatkan lawatan ke koperasi pada minggu berikutnya, dan sehingga tamat program latihan. Program bermula dengan penerangan berkaitan pendidikan koperasi dan diikuti beberapa siri ceramah oleh pegawai latihan MKM, dan juga penceramah jemputan dalam bidang pertanian terutamanya dari sektor koperasi, agensi kerajaan dan swasta. Antara topik yang ditekankan adalah mengenai sejarah penubuhan koperasi di Malaysia; pembelajaran tentang prinsip-prinsip koperasi; prosedur penubuhan koperasi di Malaysia; Akta dan peraturan koperasi di Malaysia; pentadbiran, pembangunan dan kepimpinan koperasi;

strategi pembentukan kerjasama (*team building*); tadbir urus koperasi; tatacara perakaunan koperasi pertanian; pemasaran hasil koperasi pertanian; pengurusan ladang untuk pertumbuhan mampan koperasi pertanian; dan penerangan mengenai bantuan kerajaan dalam pemasaran koperasi pertanian.

Selain itu, peserta dibawa melawat ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan ANGKASA serta beberapa koperasi bagi melihat aktiviti-aktiviti pertanian seperti penanaman padi, jagung, kelapa, tapak semaian sawit, penternakan lembu, ayam dan udang serta lain-lain aktiviti hiliran pertanian seperti agro pelancongan. Dengan adanya lawatan ini, peserta dapat melihat secara dekat aktiviti koperasi dengan penglibatan anggota koperasi secara terus dalam membangunkan koperasi itu sendiri. Selain itu, penerapan nilai-nilai dan prinsip-prinsip koperasi yang diamalkan yang merupakan asas penubuhan koperasi itu jelas keterlihatannya menerusi kerjasama dalam aktiviti pertanian koperasi yang



Program lawatan ke koperasi di Kedah, Pulau Pinang dan Perak



Program lawatan ke koperasi di Johor dan Pahang

ditonjolkan. Koperasi yang dilawati ialah:-

1. Koperasi Asas Tani Kedah Bhd;
2. Koperasi Kerjaya Pematang Nibong Pulau Pinang Bhd;
3. Koperasi National Land Finance Co-operative Society Bhd (NLFCS);
4. Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat, Johor (KOPDAB);
5. PPK Sri Medan, Batu Pahat, Johor;
6. Koperasi Pekebun Kecil Wilayah Johor Selatan Berhad (KOPRIS)
7. Koperasi Agropolitan Lepar, Pekan, Pahang

Peserta dapat mempelajari bahawa aktiviti pertanian di Malaysia mempunyai keunikan, dapat membangunkan koperasi dan seterusnya membantu meningkatkan sosioekonomi anggota koperasi tersebut. Sungguhpun penerimaan sistem berkoperasi mula diperkenalkan di Malaysia bukan dalam bidang pertanian, tetapi bidang ini sangat berpotensi menyumbang kepada kesejahteraan

anggota dan kemakmuran negara setanding dengan aktiviti kredit dan sebagainya. Peserta juga teruja melihat teknologi yang ringkas dan mudah tanpa memerlukan dana yang banyak telah digunakan oleh koperasi. Penggunaan teknologi ini digunakan dalam aktiviti pertanian seperti penanaman jagung, padi, kelapa, timun dan markisa, merupakan sesuatu yang ingin peserta pelajari dengan lebih mendalam dan akan memperkenalkan teknik-teknik ini di negara asal mereka.

Kesemua peserta sependapat dengan adanya jalinan kerjasama antara MKM dengan kerajaan Jepun serta ICA-AP sebagai badan penggerak koperasi antarabangsa ini telah memberi peluang keemasan kepada mereka mengambil contoh-contoh amalan terbaik membangunkan koperasi di Afrika serta memperbaiki kehidupan penduduk di Afrika melalui penubuhan koperasi seperti yang direalisasikan oleh koperasi di Malaysia.



Peserta bergambar pada hari terakhir sebelum berlepas bagi mengikuti program di Jepun



## IKRAR BEBAS RASUAH MKM

Oleh: Norazila Tauhid, Unit Integriti MKM



Barisan pemimpin dan warga MKM menunjukkan simbol bebas rasuah

**Ikrar Bebas Rasuah (IBR)** ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Dzulkipli Ahmad. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para pemimpin organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Keterbukaan dan sifat kebertanggungjawaban yang dipamerkan oleh barisan kepimpinan dan warganya dalam menandatangani Ikrar Bebas Rasuah ini juga turut membuktikan bahawa

usaha membanteras dan memerangi rasuah merupakan amanah dan tugas yang perlu dikongsi oleh seluruh ahli masyarakat, khususnya dalam kalangan warga yang berkhidmat di agensi-agensi kerajaan, bagi memastikan negara ini bebas daripada sebarang gejala rasuah dan salah guna kuasa.

### Pelaksanaan IBR

1. Ikrar oleh individu
2. Disaksikan oleh SPRM
3. Lafaz ikrar agar tidak sesekali terlibat dengan perbuatan rasuah
4. Dokumen ikrar ditandatangani

### Signifikan Pelaksanaan IBR

1. Menjadi amaran dan peringatan kepada individu agar menjauhi rasuah;
2. Jaminan pimpinan organisasi kepada

warganya, pemegang taruh dan pelanggan untuk mencegah jenayah rasuah;

3. Penzahiran akujanji kepada komitmen individu dalam pembanterasan rasuah dan
4. Sebagai bukti bahawa organisasi telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mencegah jenayah rasuah.

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) menzahirkan sokongan terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah dengan

melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dalam satu majlis yang diadakan di Auditorium Dato' A. Majid, MKM di sini pada 15 Februari 2018.

Lafaz ikrar serta tandatangan IBR ini diketuai Pengerusi Lembaga Pengarah MKM, YBhg Prof Datuk Mohd Yusof bin Kasim dan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YBhg Dato' Sri Jamil bin Salleh serta Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM, YBhg. Dato' Hj. Abdul Samat Kasah.



Prof. Datuk Mohd. Yusof Kasim, Pengerusi Lembaga Pengarah MKM, mengetuai Lafaz Ikrar Bebas Rasuah warga MKM dan MKMGH



Sesi menandatangani dokumen IBR oleh Pengerusi Lembaga Pengarah MKM dan Pengerusi MKMGH

Sesi menandatangani dokumen IBR oleh Ketua Pengarah MKM dan Ketua Pegawai Eksekutif MKMGH



## KSS MKM TAWAN GUNUNG KINABALU

Oleh: Salwana Ali & Muhamad Shafiq Mohd Noor,  
Kelab Sukan & Sosial MKM



Berjaya...pendaki KSS MKM berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu

**S**eramai 25 orang kakitangan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) yang merupakan anggota Kelab Sukan & Sosial (KSS) Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah mengikuti program menawan puncak Gunung Kinabalu pada 5 Disember hingga 9 Disember 2017 anjuran KSS MKM. Program ini adalah sempena menyambut ulang tahun MKM ke-61.

Bagi menjayakan misi ini beberapa siri latihan telah pun diadakan bersama pihak *Samz Adventures* bermula pada bulan Julai sehingga November 2017. Lima lokasi telah dipilih iaitu Bukit Broga Semenyih Selangor, Gunung Datuk Rembau Negeri Sembilan, Gunung Angsi Negeri Sembilan, Gunung Nuang Selangor dan Gunung Irau Cameron Highland. Turut juga diadakan satu majlis pelancaran pendakian dan penyampaian kelengkapan keperluan kepada para

pendaki yang telah disampaikan oleh Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah MKM di Auditorium Datuk A. Majid MKM.

Semua pendaki telah berkumpul di KLIA 2 pada jam 2.00 pagi dan seterusnya menaiki pesawat ke Kota Kinabalu pada jam 6.40 pagi. Setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, pendaki mula bergerak ke Kinabalu Park dengan menaiki van yang telah diuruskan oleh pihak *Samz Adventures*. Perjalanan ke sana mengambil masa selama 3 jam melalui beberapa pekan termasuk Tamparuli dan Nabalun. Setibanya di *Kinabalu Park*, pendaki mula mendaftar masuk bilik penginapan serta mengisi borang pendaftaran pendakian terlebih dahulu untuk pengesahan pas pendakian. Pada sebelah malam pula sesi taklimat ringkas mengenai aktiviti pendakian

telah disampaikan oleh wakil dari *Samz Adventures* sebelum majlis bersurai pada jam 10.00 malam.

Keesokan harinya seawal jam 7.00 pagi, kesemua pendaki telah bersiap sedia dan mengambil sarapan pagi sebelum memulakan aktiviti pendakian pada jam 8.30 pagi. Sebelum pendakian bermula, kesemua pendaki mengambil foto secara berkumpulan dan bacaan doa ringkas telah diadakan. Kesemua pendaki menaiki van yang telah disediakan ke *Timpohon Gate*, tempat bermulanya aktiviti menawan puncak Kinabalu setinggi 4,905.2 meter dari paras laut. Pendakian dari *Timpohon Gate* sehingga ke Laban Rata mengambil masa selama 5 jam melalui anak tangga, laluan denai, lereng

gunung serta batuan besar. Seramai 5 orang penunjuk arah atau 'Malim Gunung' turut serta dalam pendakian tersebut. Sepanjang pendakian ke Laban Rata, terdapat 7 pondok yang akan dilalui oleh pendaki sambil menikmati keindahan dan keunikan alam semula jadi. Setibanya di Laban Rata, semua pendaki berehat di Rumah Rehat atau 'Hut' yang menyediakan kemudahan asas untuk pendaki. Sesi taklimat terakhir disampaikan oleh pihak *Samz Adventures* sebelum semua peserta berehat untuk aktiviti pendakian pada awal pagi keesokan harinya.

Jam 12.00 tengah malam, para pendaki mula membersihkan diri dan bersiap sedia dengan kelengkapan untuk



Pendaki tiba di Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Sabah.



Jam 2.00 pagi...bersiap sedia bergerak ke puncak Kinabalu



menawan puncak Kinabalu. Selepas sarapan seawal jam 2.00 pagi, para pendaki mula bergerak ke laluan menuju ke puncak Kinabalu. Laluan ini merupakan laluan yang mencabar dan perlu dilalui oleh pendaki dalam suasana yang gelap dan sejuk. Para pendaki juga turut menghadapi kesukaran kerana laluan menuju puncak adalah berliku dan para pendaki perlu sentiasa berhati-hati di sepanjang laluan tersebut. Hasrat para pendaki untuk menawan puncak Kinabalu iaitu gunung tertinggi di Malaysia dan mengibarkan bendera MKM telah menjadi kenyataan pada jam 6.00 pagi. Para pendaki sempat meluangkan masa di puncak bagi menikmati keindahan alam semula jadi dan mengambil foto-foto yang menarik. Sebelum jam 7.30 pagi semua pendaki memulakan perjalanan turun ke 'Hut', Laban Rata dan bersiap sedia untuk bergerak turun semula ke *Timpohon Gate*. Kira-kira jam 6.00 petang semua pendaki telah

selamat sampai ke *Kinabalu Park* dan kemudiannya meneruskan perjalanan ke hotel penginapan di Kota Kinabalu.

Pihak *Samz Adventures* telah mengadakan satu majlis penyampaian sijil penghargaan kepada pendaki yang telah berjaya menawan Puncak Kinabalu di hotel penginapan. Selain itu pihak *Samz Adventures* juga turut membawa para pendaki ke Pulau Manukan dan Pulau Mamutik. Di sini para pendaki berpeluang menikmati keindahan pulau sambil menjalankan aktiviti seperti *snorkeling*, *flying fox*, parasailing dan sebagainya. Sebelum meninggalkan bumi Borneo, para pendaki juga berkesempatan pergi ke Pasar Filipina yang terkenal dengan jualan kraf tangan dan produk tempatan.

Secara keseluruhan, program ini telah mencapai objektifnya dan ia merupakan satu pengalaman baru kepada setiap pendaki.



Penyampaian sijil kepada semua pendaki

## MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) TAHUN 2017 MAKTAB KOPERASI MALAYSIA (MKM)

**M**ajlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2017 Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah diadakan pada 6 Mac 2018 bertempat di Menara Kembar Bank Rakyat, Kuala Lumpur.

Majlis tersebut diadakan secara *NBOS* dengan gabungan 4 agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)

iaitu Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Maktab Koperasi Malaysia (MKM) dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC).

Seramai 19 orang kakitangan MKM berjaya menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) bagi Tahun 2017. Senarai penerima APC MKM 2017 adalah seperti berikut:-



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MKM 2017 bergambar kenangan bersama YBhg. Dato' Sri Jamil b. Salleh, Ketua Setiausaha KPDNKK (tengah, barisan hadapan) dan barisan pengurusan tertinggi MKM



## SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MKM 2017

Bil	Nama Pegawai	Jawatan/Gred
1.	Tn. Hj. Ramlan b. Kamsin	Timbalan Ketua Pengarah Akademik Maktab Koperasi Malaysia / E54
2.	Pn. Najmah bt Nawawi	Pengarah Kanan Pusat ICT & Komunikasi / E52
3.	Pn. Siti Maimunah bt Jerni	Pengarah Zon MKM Sarawak/E48
4.	En. Mohd Razalie b. Raffae	Pengarah SHIP/E44
5.	En. Mohd Rasydi b. Abd Rashid	Pengarah MKM Zon Timur/E44
6.	Dr. Zurita bt Mohd Salleh	Pengarah CRC/E44
7.	Pn. Hamidah bt Mohd Jos	Penolong Pengarah Kanan UPA/N44
8.	En. Faiz b. Ahmad Yatim	Penolong Pengarah Kanan U3P/E44
9.	Pn. Wan Nur'Ain bt Wan Abd Rahim	Penolong Pengarah UFS/N41
10.	En. Mohamad Azim b. Abd Aziz	Penolong Pegawai Sistem Maklumat /FA29
11.	Pn. Irawana bt. Ibrahim	Penolong Pegawai Sistem Maklumat /FA29
12.	Cik. Hanani bt. Abdul Rashid	Penolong Pegawai Tadbir UAD / N29
13.	En. Hairulnizam b. Mohd Rosli	Penolong Jurutera UKP / JA29
14.	Pn. Rohaya bt Ibrahim	Pembantu Tadbir UPA / N22
15.	Pn. Zarina bt Ab. Azais	Pembantu Tadbir UKA / N19
16.	En. Umar b. Harun	Pembantu Penyediaan Makanan UFS / N19
17.	En. Mohd Azani b. Mat Leh	Pembantu Tadbir Zon Timur / N19
18.	En. George b. Yutop	Pemandu Kenderaan Zon Sabah / H11
19.	En. Mohd Irwan b. Abdul Malik	Pemandu Kenderaan UPSM / H11



**Maktab Koperasi Malaysia Official Group**



**JOIN  
&  
ADD  
MEMBERS**



**Dapatkan Maklumat  
Kursus Anda Di sini..!**



# Pengambilan Oktober Sesi 2018

## Peluang

Kerjaya Yang Luas Dalam Sektor Koperasi, Kerajaan Dan Swasta. Peluang Melanjutkan Pelajaran Di Peringkat Ijazah dan Luar Negara.

Kolej iCOOP merupakan subsidiari milik penuh Maktab Koperasi Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah KPDNKK.

[www.icoop.edu.my](http://www.icoop.edu.my)



## iCOOP COLLEGE



### Tajaan Penginapan

Tajaan penginapan selama 1 tahun untuk pelajar yang memenuhi kriteria ditetapkan.



### Tajaan iPAD

Penggunaan iPAD untuk pembelajaran dan pengajaran dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.



### PROGRAM DIPLOMA

- Pearson Edexcel International A-Level in Arts  
MQA: (S) 600-4/5/2/80
- Asasi Perniagaan  
MQA/PA 8965
- Diploma Pengurusan Koperasi  
MQA/FA0907 (09/20)
- Diploma Keusahawanan Koperasi  
MQA/PA 8589
- Diploma Perakaunan  
MQA/PA 9530

✓ Skim latihan kerjaya koperasi.

✓ Peluang kerjaya di lebih 13,648 buah koperasi.

✓ Skim bekerja dalam kampus.

✓ Biasiswa, PTPTN dan pinjaman pendidikan.

**Hotline** : 011-10372760 | 011-10292760  
019-2936552 | 011-10132760

**Email** : [marketing@icoop.edu.my](mailto:marketing@icoop.edu.my)

 /iCOOP COLLEGE



# JOM LIKE & FOLLOW KAMI

Dapatkan info terkini mengenai Maktab Koperasi Malaysia





Sayangi  
Malaysiaku



*Selamat Menyambut*  
**HARI KEBANGSAAN**

**KE-61**





# Maktab Koperasi Malaysia

## **Kampus Induk**

Maktab Koperasi Malaysia  
103, Jalan Templer ,  
46700 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan ,  
e-mel : mkm@edu.my  
tel : 03-7964 9000  
faks : 03-79570434

## **MKM Zon Sabah**

Tingkat 5, Menara MAA,  
Lorong 6 Api Api 1,  
Kota Kinabalu ,  
88000, Sabah  
e-mel : mkmsabah@edu.my  
tel : 088-240 812  
faks : 088-241 802

## **MKM Zon Sarawak**

Wisma Sego,  
Lot 3593, Blok 14,  
Jalan Sultan Tengah  
93050 Petra Jaya Kuching, Sarawak.  
Tel : 082-649407, 082-506408, 082-649409  
Faks : 082-649405  
E-mel : mkmsarawak@mkm.edu.my

## **MKM Zon Utara**

No. 1515, Wisma KGMKB  
Jalan Tunku Ibrahim  
05000 Alor Setar  
Kedah Darul Aman  
e-mel: mkmcutara@edu.my  
tel : 04 – 733 7527  
faks : 04 – 733 7532

## **MKM Zon Timur**

Kompleks Inkubator  
Indera Mahkota 14,  
Bandar Indera Mahkota  
25200 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
e-mel : mkmctimur@edu.my  
tel : 09 – 573 2449  
faks : 09 – 573 2405

## **MKM Zon Selatan**

No. 3, Jalan Padi Emas 1/8  
Bandar Baru UDA  
81200 Johor Bahru, Johor.  
Tel: 07-2075559  
Faks: 07-2342021  
E-mel:mkmcselatan@mkm.edu.my

## **Kolej iCOOP**

Damansara Damai Campus 1  
Jalan PJU 10/3C, Damansara Damai  
47830 Petaling Jaya, Selangor Malaysia  
Tel : 03 – 6140 2520  
e-mel : info@icoop.edu.my

[www.mkm.edu.my](http://www.mkm.edu.my)

 [maktabkoperasimalaysia](https://www.facebook.com/maktabkoperasimalaysia)

 [Maktab\\_Koperasi](https://twitter.com/Maktab_Koperasi)

 [Maktab\\_Koperasi\\_Malaysia](https://www.instagram.com/Maktab_Koperasi_Malaysia)